

TEORI SEMANTIK DAN KAJIAN KEPUSTAKAAN TERHADAP SEMANTIK LEKSIKAL

S. Nathesan

Abstrak

Terdapat banyak teori yang dikemukakan oleh ahli semantik sekian lama ini. Justeru, makalah ini cuba menyusurgalurkan teori yang dikemukakan oleh mereka. Selain itu, beberapa kajian yang dilakukan di negara kita dalam bidang semantik atau makna turut dicatatkan di sini.

Abstract

There has been many semantic theories proposed by semanticists all along the years. Therefore, this article tries to trace some of the semantic theories put forth by semanticists. Besides that some of the studies undertaken in Malaysia in the field of semantics or meanings are also recorded here.

PENDAHULUAN

Perbincangan dalam makalah ini akan ditumpukan kepada pertumbuhan ilmu semantik sebagai suatu bidang yang tersendiri dalam ilmu linguistik; kemunculan teori semantik dan pendekatan yang dipelopornya dalam bidang semantik; dan kajian keputakaan terhadap semantik leksikal dalam bahasa Melayu.

Oleh sebab tidak ada kajian terhadap semantik leksikal dalam bidang saintifik yang pernah dilakukan secara khusus dalam bahasa Melayu (berdasarkan tinjauan saya), maka dalam tinjauan keputakaan ini kajian yang pernah dilakukan terhadap makna leksikal dalam bahasa Melayu dan kajian tentang laras bahasa Melayu saintifik akan disebut dalam makalah ini.

PERKEMBANGAN ILMU SEMANTIK

Perkataan semantik, menurut Lyons (1968:400), dicipta oleh Micheal Breal, seorang ahli bahasa Perancis, pada tahun 1883. Semantik berasal daripada kata kerja Yunani yang membawa makna “menandai atau melambangkan”, dan kemudiannya istilah ini diperkenalkan dalam ilmu linguistik oleh Breal² sendiri pada tahun 1883 (Ullmann, 1966). Kini istilah semantik³ sudah disepakati sebagai istilah teknikal untuk merujuk kepada bidang dalam ilmu linguistik yang memberi tumpuan terhadap kajian makna. Kini semantik menjadi sebahagian daripada linguistik, dan merupakan bidang yang mengkaji bahasa secara saintifik (Palmer, 1976:5).

Walaupun ilmu semantik mula mendapat perhatian secara khusus mulai abad ke-19, namun perihal makna dan kepentingannya pernah dibicarakan oleh ahli bahasa secara umumnya pada masa dahulu, dan juga oleh ahli falsafah Yunani sebelum tahun Masihi lagi. Minat terhadap perkataan mula-mula tampak jelas dalam falsafah Yunani. Masalah makna memang mendapat perhatian ahli fikir Yunani yang ternama seperti Gorgias, Phytagoras, Aristotle, Plato dan Socrates pada zaman Yunani purba lagi. Mereka pernah membuat pemerhatian terhadap erti dan penggunaan perkataan, serta memerhati beberapa banyak aspek asas perubahan makna. Misalnya, Aristotle yang pertama mentakrifkan perkataan sebagai unit terkecil yang bermakna⁴ (Ullmann, 1962:3) dan dalam karya agung Yunani, iaitu *Iliad*, kajian kesamaran perkataan dan kepelbagaian penggunaannya pernah diberi perhatian.

Semantik pernah menjadi salah satu komponen penting dalam bidang filologi⁵. Namun, ilmu semantik, yakni teori makna yang merupakan cabang yang termuda dalam linguistik moden (Ullmann, 1957:1) telah memperoleh wilayahnya yang tersendiri dalam tatabahasa dengan kemunculan buku K. Reisig berkenaan dengan filologi Latin pada tahun 1839 (Ullmann, 1957:1). Pada tahun 1825, Reisig memulakan suatu konsep baharu dalam tatabahasa kerana memperkenalkan bidang *semasiology*⁶ (yakni kajian tentang makna) sebagai salah satu daripada tiga bahagian tatabahasa. Dua lagi bidang lain, menurut Reisig, ialah sintaksis dan etimologi. Menurut beliau lagi, bidang ini sebagai disiplin sejarah akan mencari jalan untuk mengasaskan prinsip yang menentukan perkembangan makna. Walau bagaimanapun, pada ketika itu, belum ada idea yang jelas tentang subjek *semasiology* ini dan istilah semantik belum diperkenalkan lagi.

Pada akhir abad ke-19 dan khususnya pada awal abad ke-20, ilmu semantik mula mendapat perhatian para pengkaji yang mula membuat penelitian yang klasik terhadap bidang ini. Sejak awal 1930-an lagi, sudah

terdapat perubahan penekanan dalam semantik, iaitu daripada kajian tradisional terhadap perubahan makna kepada masalah deskriptif dan struktur dalam semantik (Ullmann, 1966:218).

Walau bagaimanapun, tahun 1931 merupakan detik bersejarah dalam sejarah semantik (Ullmann, 1957:2). Hal ini berlaku kerana kemunculan tulisan Gustaf Stern (1931) yang berjudul *Meaning and Change of Meaning with Special Reference to the English Language*. Menurut Ullmann (1957), penerbitan tulisan ini membawa trend baharu dalam bidang semantik. Buku penting tentang makna yang dihasilkan oleh Ogden dan Richard pada 1923 yang berjudul *Meaning of Meanings*, telah membekali Stern dengan kaedah analisis yang sesuai berkaitan dengan faktor semantik yang asas (lihat Teori Makna oleh Ogden dan Richard dalam bahagian Teori Semantik).

Kajian terhadap makna diketepikan oleh ahli bahasa kerana mereka beranggapan bahawa makna tidak boleh dikaji secara objektif dan dengan rancaknya seperti tatabahasa dan fonologi (Lyons, 1968:400). Oleh itu, pada ketika itu kajian makna hanya diberi perhatian oleh ahli falsafah. Selain itu, pada masa itu, ahli bahasa belum dapat mengembangkan suatu pendekatan untuk mengkaji ilmu semantik (Nida, 1975b:13). Namun demikian, empat dekad kebelakangan ini, iaitu selepas tahun 1950, minat terhadap bidang semantik menjadi semakin menyerlah dan rancak terutamanya pada dekad 1980-an. Hal ini dapat dinyatakan berdasarkan bilangan kajian dan penyelidikan mengenai bidang ini yang menjadi semakin bertambah baik di dalam negara mahupun di luar negara. Menurut Ullmann (1966:8), kajian semantik selepas tahun 1950 tidak lagi memberi perhatian terhadap aspek sejarah semantik, iaitu kajian terhadap perubahan makna dan alasannya. Sebaliknya, kajian mula beralih kepada aspek dalaman tentang perbendaharaan kata dan juga daripada prinsip umum kepada kajian bahasa yang tertentu. Demikian juga hal yang terjadi dalam bahasa Melayu, kerana tumpuan dialihkan daripada tulisan yang bersifat umum kepada kajian secara khusus.

Menurut Nor Hashimah Jalaludin (1994:14), terdapat dua tahap perkembangan dalam ilmu semantik. Kedua-duanya ialah semantik falsafah dan semantik linguistik. Pada tahap pertama, semantik dilihat dari sudut falsafah dan dengan demikian tergolong dalam bidang kajian falsafah. Antara tokoh utama yang terlibat dalam semantik falsafah termasuklah Wittgenstein, Ogden, Richard, Carnap, dan Korzybski. Perkembangan dalam ilmu linguistik kemudiannya menyebabkan kemunculan pandangan bahawa ilmu semantik harus tergolong dalam ilmu linguistik, dan bukannya dalam bidang falsafah lagi.

Justeru, muncullah tahap kedua dalam ilmu semantik.

Perkembangan semantik linguistik pula dapat dibahagikan kepada empat peringkat (Nor Hashimah, 1994:14); peringkat semantik struktural, iaitu analisis perkataan; peringkat semantik generatif dan interpretif; peringkat semantik formal (syarat-benar); dan peringkat semantik sistem penuh.

Pada peringkat semantik struktural, setiap perkataan dalam sesuatu ayat dianalisis dengan memberi fitur distingtif seperti yang didekati dalam bidang fonologi. Dengan cara ini, fitur yang khas tentang sesuatu kata dapat diperlihatkan untuk mengesan hubungan antara fitur tersebut. Untuk menganalisis perbezaan makna antara perkataan abang dengan kakak, misalnya, fitur [+lelaki] yang diberi bagi perkataan abang dan [-lelaki] bagi perkataan kakak dapat menunjukkan perbezaan maknanya. Dengan memberi fitur yang khas, dapatlah ditentukan perbezaan dan persamaan makna perkataan. Pada peringkat ini, tugas ahli semantik adalah untuk mencari satu set fitur semantik yang dapat disebarluaskan bagi seluruh perbendaharaan kata (Nor Hashimah, 1992:3).

Jika perkataan yang dianalisis itu mempunyai fitur yang sama, maka perkataan seperti ibu [+betina] dan emak [+betina] digolongkan sebagai sinonim, manakala yang mempunyai berlainan fitur seperti datuk [+lelaki] dan nenek [-lelaki] dikategorikan sebagai antonim.

Pengkaji semantik pada peringkat ini mengandaikan bahawa ciri semantik bagi sesuatu perkataan dalam sesuatu ayat boleh digabungkan untuk mendapatkan makna ayat seluruhnya. Namun demikian, pendekatan ini tidak berupaya untuk menerangkan makna keseluruhan ayat dengan jelas kerana perkataan yang sama dalam sesuatu ayat akan membawa makna yang berbeza-beza ketika disusun secara berlainan. Perhatikan contoh ayat di bawah:

1. Isteri saya mempunyai teman baharu.
2. Teman saya mempunyai isteri baharu.
3. Isteri baharu saya mempunyai teman.

Ayat di atas, walaupun dibina oleh bentuk dan jumlah perkataan yang sama, namun masing-masing tidak mendukung makna yang sama. Nyata bahawa setiap ayat membawa makna yang berlainan, bergantung pada kedudukannya dalam ayat.

Pada peringkat kedua pula, iaitu semantik interpretif dan generatif, ilmu logik banyak dilibatkan untuk menerangkan makna ayat. Dalam peringkat ini, representasi semantik dapat dihasilkan dengan menggunakan predikat kalkulus. Jika diandaikan bahawa representasi semantik ialah bentuk logik

predikat kalkulus, maka semantik boleh ditakrifkan semula sebagai salah satu komponen tatabahasa yang menterjemahkan bahasa alamiah ke dalam bentuk logik. Bentuk logik akan menjadi input kepada rumus inferens logik. Rumus ini boleh digunakan untuk meramalkan beberapa ciri semantik dan hubungannya dengan ayat alamiah (Nor Hashimah, 1989:284).

Umpamanya, ayat (i) *Naveen teruna* mempunyai bentuk logik seperti dalam ayat (ii) *Remaja* (Naveen) & *Lelaki* (Naveen) & *Manusia* (Naveen) & *Belum Berkahwin* (Naveen). Ertinya, ayat itu membawa makna bahawa Naveen ialah (remaja), (lelaki), (manusia), dan (belum berkahwin). Dengan demikian, ayat (i) adalah sama atau bersinonim dengan ayat (iii) *Naveen belum berkahwin* yang pula mempunyai bentuk logis seperti dalam ayat (iv) *Belum Berkahwin* (Naveen) & *Remaja* (Naveen) & *Lelaki* (Naveen) & *Manusia* (Naveen). Untuk membolehkan kedua-dua bentuk logis ini menjadi sinonim, kita boleh menerapkan rumus logik seperti tanda & - pengguguran dan & - pengenalan. Jadi, kedua-duanya mencakupi antara satu sama lain. Peringkat ini juga gagal kerana tidak berupaya untuk menunjukkan bagaimanakah contoh ayat (i) dan (iii) dan bentuk logik (ii) dan (iv) harus berinteraksi bagi menunjukkan ayat tersebut sinonim.

Pada peringkat semantik syarat-benar pula, kesahihan ayat ditentukan dengan menerapkan penggunaan bentuk logik. Perhatikan contoh ayat dan rumus di bawah:

- (i) Shameen berkulit cerah. – P –
- (ii) Shameen berambut perang. – Q

Berdasarkan dua premis ini, dapat dibuat kesimpulan dan rumusan seperti yang berikut:

- (iii) Shameen mempunyai kulit yang cerah dan rambut yang perang P Q
→ P&Q

Sementara itu, semantik sistem penuh yang diterapkan pada peringkat ujaran meneliti konteks dan niat penggunaan sesuatu ujaran, atau dengan perkataan lain, pada pasangan ayat-konteks. Pada peringkat ini, ilmu pragmatik dimanfaatkan bersama ilmu semantik untuk memperoleh makna yang lebih sempurna.

Jika diteliti kaedah analisis pada peringkat semantik yang dihuraikan di atas, didapati ada perbezaan tumpuan kajian. Misalnya, pada peringkat pertama, analisis adalah pada peringkat perkataan, manakala pada peringkat kedua dan ketiga, tumpuannya bukan lagi terhadap makna perkataan tetapi

pada keseluruhan ayat. Selain ditegaskan peri pentingnya struktur dalam sesuatu ayat bagi mendapatkan makna ayat, pada peringkat keempat pula, makna dilihat dalam konteks sesuatu ujaran.

Sementara itu, analisis komponensial sesuai pada peringkat pertama kerana pada peringkat ini tumpuan adalah pada makna perkataan. Teori yang akan digunakan dalam kajian ini sesuai diterapkan kerana dalam kajian, yang ingin dianalisis ialah item leksikal⁷ saintifik satu per satu bagi mencari primitif yang terkandung dalam laras saintifik bahasa Melayu.

TEORI SEMANTIK

Tatabahasa tradisional, menurut Lyons (1968) adalah berdasarkan andaian bahawa perkataan merupakan unit asas bagi sintaksis dan semantik. Perkataan itu memiliki dua komponen, iaitu bentuk dan maknanya. Ketika itu teorinya ialah *naming things* atau penamaan, yakni usaha memberi nama kepada benda.

Antara ahli bahasa yang terawal untuk mengemukakan teori tentang semantik ialah Ferdinand de Saussure, ahli filologi Switzerland. Saussure, bapa linguistik moden, telah mengemukakan gagasan *signie* (tanda bahasa = perkataan). *Signie* pula kemudian dibahagi kepada dua, iaitu *signifie* (yang diertikan) dan *signifikant* (yang mengertikan). Yang diertikan ialah makna manakala yang mengertikan ialah bunyi bahasa (Darwis Harahap, 1994:3). Dengan erti kata lain, lambang linguistik terdiri daripada dua gagasan, iaitu penanda dan petanda. Walau bagaimanapun, hal ini lebih khusus merupakan imej bunyi dan konsep, dan kedua-duanya pula dihubungkan oleh satu ikatan asosiatif secara psikologi (Palmer, 1976:25). Sebelum de Saussure, kajian semantik khususnya bersifat diakronik, iaitu kajian yang bersifat sejarah, dan tumpuannya pula adalah terhadap perubahan perkataan (Lehrer, 1974:15). Tetapi, hal ini berubah selepas pendekatan yang dipelopori oleh de Saussure.

Selanjutnya, Trier, ahli linguistik Jerman pula mempelopori satu lagi teori makna yang dikembangkan melalui karyanya. Trier (Darwis, 1994:3) telah mengembangkan gagasan de Saussure berdasarkan pandangan budayawan Jerman, iaitu J.G. von Herder dan ahli falsafah Jerman W. von Humbolt lalu mengemukakan gagasannya yang terkenal, iaitu Teori Medan Makna. Melalui pendekatan ini, sesuatu medan makna membahagikan medan konsep kepada bahagian seperti sesuatu *mosaic* (Lehrer, 1974). Gagasan ini juga membawa maksud bahawa perkataan yang pada mulanya mempunyai makna yang bertumpang-tindih akhirnya memiliki makna masing-masing secara khusus.

Teori Medan Makna mengandaikan bahawa perbendaharaan perkataan

sebagai sesuatu yang mempunyai struktur. Oleh itu, perkataan yang mempunyai hubungan secara konseptual dalam sesuatu bahasa boleh diklasifikasikan ke dalam set tertentu. Salah satu ciri penting dalam medan makna yang dipelopori Trier ialah perbezaan antara medan konseptual dengan leksikal. Medan leksikal mengandungi perkataan dan kesemua istilah yang ada hubung kait dengan konsepnya (W.T. Gordon, 1982:70).

Bloomfield merupakan ahli bahasa yang mula-mula memasukkan kajian makna dalam linguistik (Nor Hashimah, 1994:19). Walaupun Bloomfield tidak memelopori sebarang teori makna, namun dalam tulisannya, ahli bahasa ini lebih menekankan hubungan bentuk dan makna kerana bentuk selalunya melahirkan makna. Dengan kata lain, beliau memberi perhatian kepada bentuk ujaran yang melibatkan keadaan penutur dan pendengar berdasarkan rangsangan dan tindak balas, iaitu amalan behaviurisme.

Firth, yang banyak dipengaruhi oleh gagasan keperihalanan keadaan yang diperkenalkan oleh Malinoswski, telah mengemukakan teori makna yang dikenali sebagai Teori Semantik Kontekstual. Teori ini sangat bermanfaat untuk menghuraikan makna bahasa yang terdapat dalam sesuatu masyarakat kerana setiap pentafsir makna akan dikaitkan dengan budaya masyarakat pengguna bahasa itu sendiri (Darwis, 1994:5). Teori ini menjadi dasar bagi teori makna dan menjadi penting dalam teori bahasa yang mula mendapat perhatian pada pertengahan abad ke-20 (Nathesan, 1995:14).

Pendekatan taksonomi pula telah dipelopori oleh ahli antropologi linguistik ketika mereka mengkaji domain budaya seperti penyakit, tumbuh-tumbuhan, ubat-ubatan, dan warna. Pendekatan tersebut dalam domain warna yang dikemukakan berdasarkan teori tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.


Jadual 1 Pendekatan taksonomi bagi domain warna.

Warna				
merah				
merah muda	merah tua	merah jambu	merah kesuma	merah lembayung

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1; merah muda atau merah kesuma ialah sejenis warna merah, demikian juga merah termasuk dalam kelompok warna. Oleh itu, merah muda termasuk dalam warna merah. Dengan kata lain, merah muda ialah sebahagian warna merah dan merah

ialah sebahagian warna merah muda.

Kemudiannya, Richard dan Ogden pula mengemukakan gagasan bahawa berlaku hubungan timbul balik antara gagasan dengan rujukan serta gagasan dengan lambang bahasa, manakala lambang bahasa dengan rujukan hubungannya tidak langsung (Darwis Harahap, 1994:6). Hal ini dapat digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Hubungan timbal balik antara gagasan, rujukan dengan lambang bahasa.

Selepas itu, dikemukakan pendekatan analisis komponen makna, iaitu kaedah membahagi-bahagikan komponen makna perkataan kepada fitur tertentu yang kemudian diberi nama analisis komponensial oleh pengkaji bahasa seperti Nida, Lehrer dan Lyons.

ANALISIS KOMPONENSIAL

Pendekatan analisis komponen makna atau analisis komponensial, pada umumnya, dianggap telah dipelopori oleh seorang ahli antropologi yang bernama Goodenough (1956). Komponen makna merupakan konstruksi teoritis yang boleh mencirikan perbendaharaan kata sesuatu bahasa, yang menentukan setiap perkataan atau item leksis itu didefinisikan dengan menggunakan komponen. Dengan itu, timbul istilah analisis komponensial, iaitu sebagai suatu teknik untuk menganalisis makna dan pertalian yang terdapat antara satu perkataan dengan perkataan yang lain. Melalui teknik ini, setiap konsep dipecahkan kepada komponen atau fitur yang terkecil yang distingtif dalam bentuk pertentangan semantik atau dimensi kontras.

Teori Analisis Komponensial, menurut Zaharah Kasim (1986:257), ialah salah satu teori yang berdasarkan falsafah bahawa makna yang terkandung pada setiap perkataan itu dapat dianalisis dan didefinisikan melalui komponen makna perkataan tersebut. Pendekatan yang juga dikenal sebagai pemecahan leksikal⁸ atau *lexical decomposition* ini melibatkan analisis pengertian sesuatu leksem kepada bahagian komponennya (Lyons, 1981:76).

Menganalisis makna melalui komponen makna sesuatu perkataan pernah dimanfaatkan oleh Roman Jakobson (1938, 1951) dalam bidang fonologi untuk menganalisis fonem, iaitu dengan menggunakan kaedah fitur distingtif binari.⁹ Kemudiannya, kaedah analisis ini telah diperluas ke dalam bidang semantik untuk menganalisis makna, menggunakan fitur (+) bagi ciri makna yang terdapat dalam perkataan tersebut, dan fitur (-) bagi menandakan ketiadaan ciri makna dalam perkataan tersebut. Umpamanya, perkataan *air* dalam bahasa saintifik, yang mempunyai makna (berdasarkan *Kamus Istilah Sains Am*, 1996) seperti yang berikut: “Formula H_2O , cecair yang tidak berwarna, tidak berbau, tidak mempunyai rasa, takat beku $0^{\circ}C$, dan takat didih $100^{\circ}C$ ”, dapat dianalisis komponen makna seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Komponen makna perkataan air.

Leksis	Air
Komponen Makna	
Cecair yang terbentuk daripada hidrogen dan oksigen (H_2O)	+
Tidak berwarna	+
Tidak berbau	+
Tidak mempunyai rasa	+
Takat beku $0^{\circ}C$	+
Takat didih $100^{\circ}C$	+
Jumlah Komponen Makna	6

Berdasarkan analisis komponensial di atas, misalnya, didapati bahawa perkataan air dapat dipecahkan ke dalam enam komponen makna.

Dalam hal ini, orang pertama yang menggunakan idea tentang ciri-ciri distingtif dalam semantik ialah Louis Hjelmslev pada sekitar tahun 1940-an berdasarkan kaedah yang dianjurkan oleh Jakobson. Kini kaedah analisis ini merupakan suatu teknik yang amat berpengaruh dalam menganalisis makna perkataan dan pertalian antara satu perkataan dengan perkataan yang lain dalam bidang bahasa. Walau bagaimanapun, penggunaan ciri distingtif tidak memberi kesan yang bermakna terhadap teori linguistik sehingga penggunaannya oleh ahli antropologi seperti Goodenough dan Lounsbury untuk mengkaji kekerabatan dalam bahasa.

Analisis komponensial ini, seperti yang dijelaskan pada awal makalah ini pernah dimanfaatkan oleh ahli antropologi untuk meneliti kata kekerabatan dalam beberapa bahasa, seperti Goodenough (1956), Lounsbury (1956), dan Wallace dan Atkins (1960). Goodenough (1956) menggunakan pendekatan ini dalam bidang antropologi untuk menganalisis sistem kekerabatan dalam keluarga. Kemudian penggunaan pendekatan analisis komponensial untuk menganalisis kata kekerabatan telah merintis jalan ke arah memperluas penggunaan analisis tersebut dalam menganalisis makna perkataan yang terdapat dalam sesuatu bahasa (Zaharah Kasim, 1986). Walaupun digunakan dalam bidang antropologi, namun pendekatan ini kemudiannya diterapkan ke dalam kajian linguistik oleh pengkaji bahasa, sama ada di Barat mahupun di negara kita, yang sudah nampak akan keupayaan pendekatan ini untuk menganalisis makna dalam bahasa seperti yang diakui oleh Leech (1974:98). Leech pernah menyatakan bahawa analisis komponensial, walaupun pada mulanya berkembang dalam bidang linguistik antropologi, namun kaedah ini, oleh sebab didapati amat berguna, telah diterapkan ke dalam banyak lapangan makna yang lain.

Ahli bahasa seperti Katz dan Fodor, Weireich, dan Nida pernah menggunakan pendekatan ini dengan melakukan sedikit perubahan dan pengubahsuaian untuk menyempurnakan teknik tersebut lalu memperkukuh kedudukannya dalam kajian semantik (Zaharah Kasim, 1986). Demikian juga pengkaji Barat lain seperti Lehrer (1974), Nida (1975), dan Lyons (1981), serta pengkaji di negara kita seperti Asmah (1982), Ton (1987), Aishah (1992), Roksana (1993), Indirawati (1995), dan Nathesan (1996, 2001) turut memanfaatkan pendekatan ini dalam kajian terhadap leksis bahasa Melayu.

MEDAN MAKNA

Medan makna merujuk kepada sekumpulan perkataan yang ada hubungan makna yang rapat antara satu sama lain (Lehrer, 1974:11). Nida (1975:176) pula menjelaskan medan makna sebagai yang terdiri daripada sekumpulan makna perkataan yang berkongsi komponen semantik yang tertentu. Dengan erti kata yang lain, medan makna terdiri daripada makna yang mempunyai komponen semantik bersama. Misalnya, perkataan seperti bukaan, bakteria, dan hempedu yang merupakan perkataan atau istilah biologi, tergolong dalam domain atau medan makna sains. Dengan kata lain, perkataan yang tergolong dalam bidang biologi itu, termasuk dalam domain sains.


Analisis medan makna dilakukan antara lain untuk menghimpunkan perkataan yang termasuk dalam sesuatu kumpulan tersebut, dan kemudian

hubungan antara satu sama lain serta juga hubungannya dengan domain umum dianalisis.

Menurut Lehrer (1974:2), teori semantik harus berupaya menerangkan makna ayat, perenggan, atau wacana dalam bahasa. Walaupun demikian, terdapat banyak aspek yang memberi sumbangan terhadap makna, dan salah satunya ialah item leksikal, iaitu perkataan. Umpamanya, perkataan suhu dalam ayat “Suhunya terlalu tinggi” memberi sumbangan makna terhadap ayat tersebut. Makna perkataan diperoleh dengan membandingkan perkataan itu secara sistematik dengan perkataan yang lain yang berkongsi ciri tertentu dengannya atau dengan membandingkannya dengan perkataan lain (Nida, 1975a:32).


Menurut Nida (1975a), terdapat empat cara makna sesuatu unit semantik yang berbeza itu dapat dikaitkan dengan satu sama lain. Empat cara itu ialah perkaitan terkandung, bertindihan, saling melengkapi, dan menular.

Sesuatu perkataan dikatakan termasuk perkaitan terkandung apabila sesuatu makna perkataan terangkum dalam perkataan yang lain. Umpamanya, dalam perkataan penyakit terangkum makna demam dan demam kuning. Dengan erti kata lain, dalam perkataan demam ada terkandung makna penyakit; demikian juga dalam demam kuning ada terkandung makna penyakit dan demam. Mungkin, hal ini dapat digambarkan dalam Rajah 2.




Rajah 2 Rangkuman makna antara perkataan penyakit, demam, dengan demam kuning.

Perkataan yang bertindihan makna ialah perkataan yang lazimnya dirujuk sebagai sinonim. Misalnya, pasangan perkataan cantik dan lawa umumnya dikatakan sebagai perkataan seerti atau bersinonim. Demikian juga perkataan hakis dan kakis dalam bahasa saintifik diklasifikasikan sebagai sinonim. Perkataan ini, walaupun tidak serupa bentuk, namun bertindihan makna untuk digunakan dalam konteks tertentu tanpa menjejaskan kandungan konsep dalam ujaran tersebut. Kaitan tumpang tindih dapat diperhatikan dalam Rajah 3.



Rajah 3 Pertindihan makna antara perkataan hakis dengan kakis.


Perkataan yang mempunyai perkaitan saling melengkapi bermakna perkataan yang berkongsi komponen makna. Namun demikian, perkataan ini ada menunjukkan pertentangan yang nyata dan selalunya berhubungan dengan makna yang berlawanan (Ton, 1987:20). Menurut Nida (1975a:17), terdapat tiga jenis hubungan saling melengkapi, iaitu yang berlawanan, kebalikan, dan salingan. Pasangan perkataan seperti panas-sejuk, misalnya, membawa makna berlawanan dan lazim disebut juga sebagai antonim, manakala pasangan perkataan seperti pasang surut membawa makna kebalikan. Pasangan perkataan seperti jual beli membawa makna salingan. Makna ini melibatkan dua orientasi yang berlainan bersabit dengan aktiviti yang sama. Perbezaan yang utama terletak pada peranan yang berlainan bagi para peserta (Nida, 1975a). Oleh sebab terdapatnya kutub yang berlawanan dalam set makna yang saling melengkapi, maka perbezaan yang utama itu sebagai lapangan magnetik dengan kutub yang berlawanan, dapat ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4 Makna menular antara perkataan jual dengan beli.

Perkaitan salingan ialah perkaitan antara perkataan yang mempunyai makna yang berkaitan rapat, yang biasanya termasuk dalam satu domain atau lapangan makna yang sama, dan yang menunjukkan perbezaan yang nyata antara satu sama lain, yakni setiap perkataan dibezakan dari segi makna dengan perkataan yang lain dalam domain yang sama oleh sekurang-kurangnya satu ciri atau komponen makna yang penting (Ton, 1987:21). Perkataan seperti berjalan, melompat, lari, dan merangkak tergolong dalam kumpulan perkataan yang mempunyai hubungan menular kerana semua perkataan ini mengongsi komponen makna “gerak” yang dihubungkan dengan

pergerakan oleh pelaku dengan menggunakan anggota badannya seperti kaki dan tangan. Demikian juga perkataan saintifik seperti hidroklorik, nitrik, dan sulfurik yang merupakan asid dalam bidang kimia berkongsi makna “mempunyai kuasa untuk mengakis sebarang benda”. Hubungan menular antara perkataan tersebut dapat ditunjukkan dalam Rajah 5.



Rajah 5 Hubungan menular antara makna.

KOMPONEN MAKNA

Teori semantik membuat andaian bahawa kosa kata sesuatu bahasa mempunyai struktur seperti tatabahasa atau fonologi dan dengan demikian perkataan dalam bahasa tersebut dapat dikelompokkan kepada set tertentu yang ada kaitan dengan medan konseptual (Lehrer, 1975:15).

Sementara itu, makna, menurut Nida (1975a:26) ialah:

The meaning consists of that particular structured bundle of cognitive features associated with the lexical unit, which makes possible the designation of all the denotata by the lexical unit in question.

Dalam erti kata yang lain, makna mengandungi set ciri konseptual yang perlu dan memadai yang memungkinkan seorang penutur untuk mengasingkan potensi rujukan sesuatu unit leksikal daripada yang lain yang mungkin menduduki sebahagian domain semantik yang sama (Nida, 1975a:26). Untuk menganalisis makna rujukan atau makna denotatif, perlu dikenal pasti ciri yang perlu dan penting yang membezakan satu bentuk dengan bentuk kata yang lain. Makna rujukan berdasarkan hubungan antara unit leksikal dan rujukan (Nida, 1975a:25).

Menurut Nida (1975a:32–39), terdapat tiga jenis komponen makna dalam semantik; komponen makna bersama, komponen makna bandingan atau diagnostik, dan komponen makna tambahan.

Komponen makna bersama ialah komponen yang berkongsi makna dengan beberapa banyak perkataan yang lain sehingga komponen makna tersebut mencakupi sekurang-kurangnya sebahagian daripada setiap perkataan dalam sesuatu domain makna. Dalam bahasa saintifik umpamanya, perkataan kuprum berkongsi komponen makna bersama dengan perkataan plumbum, natrium dan aluminium untuk membentuk suatu domain sendiri, iaitu logam. Komponen bersama dalam hubungan ini ialah [+konduktor haba dan elektrik] dan [+elektropositif].

Komponen diagnostik pula bermakna komponen semantik yang berfungsi untuk membezakan satu makna perkataan dengan makna perkataan yang lain, atau yang membezakan makna beberapa banyak perkataan dengan beberapa banyak perkataan yang lain (Ton, 1989:14). Seperti yang dijelaskan oleh Nida (1975a:32), makna sesuatu item leksikal dapat ditentukan dengan mencari pertentangan makna bagi item leksikal tersebut. Misalnya, dalam ilmu sains perkataan merkuri walaupun berkongsi makna yang sama dengan perkataan alumunium kerana kedua-duanya logam, namun mempunyai hubungan yang berbeza dengan komponen semantik yang lain. Perkataan merkuri berbeza dengan aluminium kerana merkuri merupakan sejenis logam yang bukan konduktor elektrik yang baik, manakala aluminium merupakan konduktor elektrik yang baik. Dengan yang demikian, makna perkataan merkuri juga dapat ditentukan secara bezaan seperti [+konduktor elektrik yang baik].

Akhirnya, komponen tambahan ialah komponen semantik yang lazimnya tidak terdapat pada makna sesuatu perkataan tetapi diperlukan untuk membezakan makna perkataan lain dalam kumpulan yang lain. Umpamanya, perkataan ibu dalam ayat "Mak Minah bagaikan ibu kepada saya", komponen diagnostik makna inti ibu menjadi sekunder manakala komponen lain seperti [+prihatin] dan [+mengambil berat] menjadi makna diagnostik utama. Dengan yang demikian, makna diagnostik utama [+perempuan], [+hubungan kekeluargaan] dan [+pelahir anak] menjadi kurang penting kerana makna yang hendak disampaikan ialah makna tambahan yang tidak terdapat dalam makna inti bagi perkataan ibu. Makna seperti ini dinamai komponen semantik tambahan yang perlu diberikan bagi sesuatu perkataan untuk menimbulkan makna tambahan itu.

JENIS MAKNA

Makna merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dan yang menjadi amat penting dalam bahasa (Leech, 1974:12). Makna leksikal, pada

umumnya, dapat dibahagikan kepada dua jenis yang utama, iaitu makna denotatif atau literal dan makna figuratif atau konotatif. Sementara itu, Leech (1974) dalam bukunya *Semantics* membahagikan makna perkataan kepada tujuh jenis seperti makna konseptual atau rujukan, makna konotatif, makna stilistik, makna afektif, makna renungan, makna kolatif, dan makna tematik.

Nida (1975a) mengelaskan makna kepada makna kognitif atau konseptual, makna emotif, dan makna tatabahasa. Menurut Lyons (1977:174) pula, makna dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu makna deskriptif, sosial dan ekspresif, makna rujukan yang berkaitan dengan kognitif dan makna emotif. Makna konseptual adalah yang berkaitan dengan logik, kognitif, dan denotatif atau yang tersurat. Makna konseptual atau denotatif ada kalanya disebut makna kognitif, dan makna ini dianggap sebagai faktor utama dalam komunikasi bahasa. Makna ini amat penting bagi kefungsiannya bahasa berbanding makna yang lain (Leech, 1974:11).

Dalam domain sains dan teknologi, makna yang terdapat dalamnya ialah jenis denotatif, rujukan atau konseptual. Jenis makna yang lain seperti makna konotatif tidak wujud atau jarang-jarang wujud kerana ilmu sains merupakan ilmu yang khusus dan banyak mendukung konsep yang tertentu seperti atom, belauan, capahan, dan dimensi yang perlu dijelaskan makna tanpa sebarang kekaburan atau kesamaran. Umpamanya, wujud hanya satu konsep yang jelas bagi kata saintifik “haba” yang membawa konsep “bentuk tenaga yang berpindah antara dua jasad atau dua kawasan apabila terdapat perbezaan suhu” (*Kamus Istilah Sains Am*, 1988:74).

Makna konseptual ini diatur dengan ciri-ciri yang bertentangan supaya makna sesuatu kata dapat ditetapkan (Leech, 1974:11). Dengan demikian, perkataan “wanita” dapat dispesifikasikan seperti [+manusia], [-lelaki], dan [+dewasa] yang agak berbeza daripada budak yang dapat ditakrifkan sebagai [+manusia], [+lelaki], dan [-dewasa]. Demikian juga perkataan saintifik seperti *fungi* yang dapat dipecahkan-pecahkan kepada komponen makna seperti [+parasit], [+hifa], dan [+kitin] untuk dibezakan dengan perkataan “kulat” yang terdiri daripada komponen makna seperti [+parasit], [+hifa], dan [-kitin].

KAJIAN KEPUSTAKAAN TERHADAP SEMANTIK LEKSIKAL

Dalam bahagian ini, kajian kepustakaan sama ada bersifat teoritis mahupun deskriptif akan dimuatkan; pertamanya kajian terhadap makna leksikal bahasa Melayu di luar negara, dan diikuti dengan kajian tempatan, yakni yang dilakukan di negara kita khususnya yang dikerjakan dalam bahasa Melayu.

Selain itu, kajian terhadap laras saintifik bahasa Melayu juga akan disentuh. Demikian juga tulisan berkenaan dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa saintifik akan disebutkan. Dalam hal ini, banyak esei, makalah, pandangan dalam surat khabar, seminar, yang membicarakan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Kebelakangan ini terutamanya, selepas timbul cadangan untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di institusi pendidikan untuk mengajarkan ilmu sains dan teknologi, banyak tulisan yang diterbitkan untuk memperkatakan hal tersebut. Namun kebanyakan tulisan itu bukanlah bersifat ilmiah ataupun kajian. Menurut tinjauan saya, tidak ada tulisan yang membicarakan kemampuan makna bahasa Melayu dalam laras bahasa saintifik. Yang terdapat hanya beberapa makalah dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa saintifik (lihat Kajian Kepustakaan dalam bahagian kemudian).

Persoalan tentang kemampuan bahasa sebagai bahasa ilmu dan bahasa sains dan teknologi bukan suatu hal yang baharu, malah sudah lama dibangkitkan sejak bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa pengantar bagi institusi pendidikan di negara kita, malah ketika bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan tatkala negara kita mencapai kemerdekaan.

Dalam tinjauan kepustakaan ini, kajian yang pernah meneliti makna leksikal dalam bahasa Melayu atau yang ada kaitan dengannya akan disentuh secara ringkas dengan penjelasan aspek teoritis dalam kajian tersebut.

KAJIAN TERHADAP SEMANTIK LEKSIKAL

Kajian yang dilakukan di luar negara terhadap leksikal bahasa Melayu agak terhad. Namun, terdapat beberapa kajian yang pernah dilakukan terhadap leksikon bahasa Melayu. Misalnya, dalam kajiannya, Isa dan Maskill (1982) pernah meneliti makna perkataan sains yang digunakan dalam bilik darjah di Scotland dan Malaysia. Sementara itu, Goddard (1994) dalam satu makalahnya ada meneliti makna kata tugas "lah" yang berfungsi sebagai penegas dalam bahasa Melayu. Demikian dua kajian yang pernah dilakukan terhadap leksikal bahasa Melayu di luar negara.

Jika diteliti tulisan dan kajian tentang semantik dalam bahasa Melayu, maka dapatlah dibahagikannya kepada beberapa banyak kategori seperti yang bersifat huraian, yang bersifat kajian dan sebagainya. Pada awalnya, iaitu di sekitar tahun 1950-an hingga 1980-an, didapati bahawa kebanyakan tulisan merupakan yang bersifat huraian sahaja. Misalnya, antara tulisan bersifat huraian yang terawal tentang semantik bahasa Melayu pernah ditulis oleh Awang Had Salleh (1959) dan Ismail Muhammad (1959), dan kemudian

diikuti pula oleh Mohammad Yunus Maris (1966), dan Abu Bakar Hamid (1967).

Slepas itu, tidak ada kajian atau tulisan terhadap persoalan semantik bahasa Melayu yang terbit sehinggalah tahun 1977 apabila persoalan perubahan makna dalam perkataan bahasa Melayu ada disentuh oleh Zaiton (1977). Selanjutnya, Hilmi Hj. Ismail (1979) membicarakan tujuh jenis erti dalam bahasa Melayu dengan menggunakan pembahagian erti yang dicadangkan oleh Leech (1976). Kemudian diikuti oleh tulisan Aionon (1979) dan Siti Rohani Kasim (1982) yang berkaitan dengan masalah menyusun kamus dalam bahasa Melayu.

Asmah (1981) dalam salah satu makalahnya telah meneliti makna perkataan yang digunakan dalam kertas soalan peperiksaan dengan menerapkan teori Analisis Komponensial. Salah satu tulisan yang bersifat kajian pernah dihasilkan oleh Loga Bhaskaran (1983) yang meneliti makna imbuhan *peN* dalam bahasa Melayu. Beberapa aspek sinonim dalam perkataan bahasa Melayu ada diteliti oleh Mohd. Sharif Marikan (1984). Sementara itu, makalah Zaharah Kasim (1986) yang berjudul “Komponen Makna” mencuba melihat analisis komponen sebagai salah satu teknik untuk menghuraikan makna perkataan dan pertalian yang terdapat antara satu perkataan dengan perkataan lain, serta kemampuannya dalam menyelesaikan masalah yang berhubung dengan struktur semantik dan penghuraian makna perkataan.

Di samping itu, Hashim bin Musa (1988) pernah meneliti makna yang terkandung dalam perkataan mengandung dan mengandungi dalam bahasa Melayu serta penggunaannya yang tidak tepat dalam bahasa Melayu. Zahrah Abd. Ghafur (1988) pula membicarakan konsep masa dalam bahasa Melayu dengan meneliti beberapa banyak perkataan dalam bahasa Melayu yang merujuk kepada masa dan yang mendukung komponen makna masa serta yang menyokong konsep masa.

Sementara itu, makalah “Bahasa Melayu Sebagai Bingkai Pemikiran Masyarakat Melayu” oleh Nor Hashimah Hj. Jalaludin (1988) pula mencuba memperlihatkan bagaimana kata ganti nama diri, kata, dan peribahasa dapat dikaitkan dengan pemikiran bahasa Melayu berdasarkan maknanya. Kajian ini sebenarnya merupakan satu kajian semantik dari sudut budaya dan pandangan hidup masyarakat Melayu.

Makna dalam pantun Melayu pernah dikaji oleh Jais Sahok (1989). Dalam kajian ringkas ini, pengkaji telah berusaha untuk mencari makna dalam pantun Melayu dengan mengupas beberapa jenis pantun untuk memperlihatkan kepelbagaian maksud tersirat di sebalik kata yang tersurat. Kemudian, Mashudi Kader (1993) dalam makalahnya “Aspek Semantik

dalam Pembentukan Kata dan Istilah Bahasa Melayu” meneliti peranan dan pertimbangan aspek makna dalam usaha memilih kata dan istilah yang sesuai bagi sesuatu konsep istilah bahasa sumber.

Makalah Roksana (1996:60–77) yang berjudul “Istilah dalam Bidang Sintaksis dari Sudut Analisis Komponensial” telah menggunakan pendekatan analisis komponensial untuk menganalisis istilah tatabahasa dari sudut makna dalam konsep sumber dan makna dalam tatabahasa bahasa Melayu moden. Makalah ini sebenarnya merupakan satu kajian semantik yang menggunakan pendekatan analisis komponensial.

Dua kajian makna perkataan pernah dilakukan oleh Nathesan (1996a dan 1996b) dengan memanfaatkan analisis komponensial. Kajian pertamanya adalah berkenaan dengan perubahan makna perkataan dalam bahasa Melayu berdasarkan kamus susunan Frank Swettenham dan *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, manakala yang kedua ialah makna kata pinjaman bahasa Tamil dalam bahasa Melayu.

Beberapa kajian peringkat latihan ilmiah, sarjana dan kedoktoran tentang semantik leksikal dilakukan di beberapa universiti tempatan seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia khususnya. Antara kajian yang terawal ialah kajian oleh Ton. Dalam kajian kedoktorannya, Ton (1987) menganalisis makna kata kerja gerak dalam bahasa Melayu dialek Kedah. Dalam kajian ini, kaedah analisis komponen semantik atau analisis komponensial telah digunakan untuk mengenal pasti kata kerja gerak dalam dialek tersebut.

Sementara itu, Abdullah Mahmood Musanif (1988) dalam kajian sarjananya telah mengkaji imbuhan bahasa Melayu hari ini dan bahasa Melayu Hikayat Abdullah dengan membuat perbandingan makna antara kedua-dua bentuk bahasa Melayu yang digunakan pada dua zaman yang berbeza. Melalui kajian ini, perbezaan dan persamaan penggunaan makna imbuhan dapat dikenal pasti.

Aishah (1991) pula telah meneliti makna kata pinjaman tulen bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu dalam kajiannya. Analisis komponensial diterapkan dalam penganalisaan kata pinjaman tulen bahasa Inggeris untuk menentukan sama ada kata pinjaman ini mengalami pengekalan makna ataupun perubahan makna. Salah satu tujuan kajian ini adalah untuk membandingkan jumlah makna yang ada pada kata pinjaman bahasa Melayu berbanding dengan jumlah makna perkataan kata tersebut dalam bahasa sumber, iaitu bahasa Inggeris. Misalnya, perkataan *bungalow* dalam bahasa Inggeris mempunyai empat komponen makna manakala perkataan “banglo” yang dipinjam daripada bahasa Inggeris mempunyai lima komponen makna, iaitu

tambahan satu lagi komponen makna. Analisis makna kedua-dua perkataan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 Analisis makna perkataan *bungalow* dan *banglo*.

Perkataan \ Makna Asas	Tambahan				
	rumah	setingkat	tersendiri	besar	dua tingkat
B. Ing <i>bungalow</i>	+	+	+	+	-
B. Mel <i>banglo</i>	+	+	+	+	+

(Dipetik daripada Aishah Mahadi, 1991).

Sementara itu, dalam kajian sarjananya, Roksana (1993) telah meninjau permasalahan yang ada hubung kait dengan bidang peristilahan. Kajian ini mencuba meneliti komponen makna yang terdapat dalam istilah linguistik untuk melihat persamaan dan perbezaan makna antara istilah sintaksis yang digunakan dalam bidang linguistik. Pengkaji ini turut memanfaatkan pendekatan analisis komponensial untuk meneliti komponen makna yang terdapat dalam variasi istilah sintaksis yang digunakan untuk merujuk kepada satu konsep yang sama.

Nicole Wong (1992) dalam kajiannya telah meneliti kata pinjaman dalam cerpen bahasa Melayu yang tertentu. Kata pinjaman bahasa Inggeris yang digunakan dalam *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*, yakni dalam bidang kewartawanan bahasa Melayu telah dianalisis oleh Parwathy Ratnam (1993). Kajian ini dilakukan daripada aspek semantik dan struktural untuk melihat pinjaman leksikal daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

Mohd. Alwee Yusoff (1993) meneliti pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu dengan menumpukan makna beberapa perkataan Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu berdasarkan pendekatan morfologi dan semantik. Puteri Roslina Abdul Wahid (1994) dalam kajiannya telah meneliti kata pinjaman dalam peristilahan bidang undang-undang bahasa Melayu. Sementara itu, makna semantik leksikal dalam peribahasa bahasa Melayu telah dikaji oleh Indirawati (1995). Dalam kajian peringkat sarjana ini, pengkaji turut menerapkan teori analisis komponensial untuk meneliti makna leksikal kata nama dalam peribahasa bahasa Melayu.

Kajian peringkat kedoktoran oleh Nathesan Sellappan (2001) telah meneliti aspek keupayaan istilah sains dalam bahasa Melayu. Kajian ini

telah memanfaatkan analisis komponensial untuk menganalisis istilah sains dalam bahasa Melayu untuk menunjukkan keupayaan konsepnya.

Beberapa kajian latihan ilmiah turut memberi perhatian terhadap kajian makna semantik leksikal. Antaranya adalah seperti kajian Teo, Dim Hoon (1992) tentang kekaburan makna dalam kosa kata dialek Kelantan, kajian leksikal dalam subdialek Yan, Kedah oleh Roslina Hamid (1992), kajian Mohd. Feroz (1993) tentang makna kata pinjaman Portugis dalam bahasa Melayu, kajian Jainah (1994) mengenai makna kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu, dan kajian Noraini Mohd. Nor (1994) berkenaan makna perkataan dalam iklan bahasa Melayu.

Laras saintifik bahasa Melayu pernah dikaji oleh sebilangan pengkaji. Antara pengkaji itu termasuklah Tan (1975) yang pernah meneliti aspek leksis dan tatabahasa terhadap laras sains yang terdapat dalam buku teks sekolah menengah rendah. Demikian juga dalam kajiannya, Kalpana (1982) pernah mengkaji kosa kata yang terdapat dalam teks biologi yang digunakan oleh pelajar prauniversiti. Sementara itu, Asmah (1988) telah meneliti laras saintifik dengan meneliti aspek penggunaan perkataan, frasa, dan bahasa dalam beberapa banyak teks saintifik yang terpilih. Kajian Sridevi (1996) pula meneliti aspek kohesi dalam teks kimia yang digunakan pada peringkat universiti. Dalam kajian ini, didapati teks yang diteliti merupakan teks bahasa Inggeris kecuali kajian Asmah yang meneliti teks yang ditulis dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini hanya meneliti beberapa aspek leksis dan tatabahasa sahaja, dan tidak meneliti aspek makna leksis dalam teks saintifik seperti yang dilakukan dalam kajian ini.

Persoalan tentang keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu khususnya dalam bidang sains dan teknologi pernah dibicarakan dan ditulis oleh banyak penulis seperti Ainuddin A. Wahid (1958), Hassan Abd. Wahab (1958), Skinner (1960), Chua (1961), Seah (1966), Roshiani Embong (1980), S. Othman Kelantan (1986), Muhd. Mansur Abdullah (1987), Abdul Hamid (1990), Nathesan (1996), Abdullah Hassan (1996), Abdul Hamid (1996), dan Hashim (1996). Kesemua tulisan ini hanya pendirian tegas penulis berkenaan bahawa bahasa Melayu memang berupaya untuk menjadi bahasa sains dan teknologi. Namun, penulis ini tidak meneliti aspek keupayaan makna terhadap leksis laras saintifik seperti yang dihalusi dalam kajian ini.

Demikianlah antara beberapa banyak kajian sama ada tesis, mahupun makalah atau tulisan yang pernah meneliti aspek semantik khususnya semantik leksikal dalam bahasa Melayu, laras saintifik, dan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Seperti yang dinyatakan, kajian dalam bidang semantik terutamanya yang mengkaji aspek makna secara khusus

dalam bahasa Melayu memang amat kurang, lebih-lebih lagi aspek keupayaan makna dalam bahasa Melayu saintifik yang akan diteliti dalam kajian ini. Dengan yang demikian, diharapkan kajian semantik leksikal ini akan memberi sumbangan terhadap bidang semantik yang kini semakin diminati.

KESIMPULAN

Dalam makalah ini, satu tinjauan terhadap perkembangan bidang semantik telah dilakukan dengan meneliti sejarah pertumbuhan ilmu semantik serta teori semantik yang dipelopori oleh pengkaji bahasa. Selain itu, satu tinjauan kepustakaan juga dibuat untuk meninjau kajian semantik leksikal yang pernah dikerjakan dalam bahasa Melayu khususnya.

Seperti yang ditinjau dalam bahagian yang terkemudian makalah ini, didapati bahawa penulisan tentang semantik yang bersifat kajian adalah amat kurang pada tahun 1970-an dan 1980-an. Walau bagaimanapun, kajian terhadap semantik mula menyerlah selepas tahun 1980-an, khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya apabila banyak tesis dan latihan ilmiah yang diusahakan oleh pelajar universiti berkenaan. Namun, daripada tinjauan kepustakaan yang dibuat, didapati setakat ini, satu kajian sahaja yang meneliti aspek keupayaan istilah (leksis) dalam laras saintifik dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, ada beberapa kajian dan penulisan yang pernah memperkatakan hal keupayaan makna dalam bahasa Melayu dalam domain sains dan teknologi.

NOTA

- 1 Semantik leksikal ialah bidang kajian dalam semantik yang meneliti makna perkataan.
- 2 M. Breal (1990) pernah menghasilkan sebuah buku yang berjudul *Semantics: Studies In the Science of Meaning* dan buku ini amat menarik dan penting kerana, menurut Palmer (1976:1), buku ini merupakan salah satu buku linguistik yang terawal yang membincangkan semantik sebagai sains makna, dan keduanya, kerana buku ini tidak hanya meneliti perubahan makna sahaja malah lebih daripada itu.
- 3 Istilah yang pernah digunakan pada ketika itu termasuklah istilah seperti *semology*, *semiotics*, *sememics*, dan *semics*.
- 4 Dengan perkembangan linguistik mutakhir, kini morfem pula diterima sebagai unit terkecil yang bermakna. Menurut *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (1994:562), morfem ialah unit pembeza yang terkecil yang mempunyai makna atau fungsi tatabahasa dalam pembentukan sesuatu perkataan.
- 5 Filologi merupakan suatu bidang yang mengkaji pertumbuhan dan perkembangan sesuatu bahasa dari sejarah.

- 6 Bidang kajian makna pada ketika dahulu diberi nama *semosiology*.
- 7 Suatu unit dalam perbendaharaan kata yang mungkin merupakan perkataan atau frasa.
- 8 Kaedah pemecahan leksikal ini didapati mempunyai beberapa banyak kelebihan apabila digunakan sebagai satu keadah untuk memberikan ciri nilai maksud bagi sesuatu perkataan.
- 9 Teori Fitur Distingtif dipelopori oleh Roman Jakobson (1938) dan kemudian disempurnakan oleh Jakobson, Fant dan Halle (1955).

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood, 1996. "Kemampuan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Akademik di Unversiti", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40:8 (715–726).
- Abdullah Hassan, 1996. "Pendidikan dan Patriotisme Malaysia", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40:8 (676–693).
- Ainuddin Abdul Wahid 1958. "Perkembangan Bahasa Melayu dalam Kejuruteraan", dlm. *Dewan Bahasa*, 2:2 (81–85).
- A.M. Isa dan R. Maskill, 1982 "A Comparison of Science Word Meaning in the Classroom of Two Different Countries", dlm. *British Journal Educational Psychology*, 52 (188–198).
- Abu Bakar Hamid, 1967 "Semantik" dlm. *Dewan Bahasa*, 4 (160–65).
- Ahmad Mahmood bin Musanif, 1988. *Penambah Kerja Bahasa Melayu Hari Ini dan Bahasa Melayu dalam Hikayat Abdullah: Satu Kajian Perbandingan Makna*. Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ainon Muhammad, 1979 "Semantik: Satu Pengenalan Ringkas", dlm. *Dewan Bahasa*, 23:56 (36–57).
- Ainon Muhammad dan Manshoor Hj. Ahmad, 1982. "Tatacara Pembentukan Istilah: Aspek-aspek yang Perlu Dibaiki", dlm. *Dewan Bahasa*, 26:6 (978–987).
- Aishah Mahadi, 1991. *Kata Pinjaman Tulen Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu: Satu Kajian Semantik*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden: Pusat Bahasa Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Amran Halim, 1991. "Kedudukan dan Kewibawaan Bahasa Melayu dalam Wawasan Teknologi Tinggi", Kertas kerja yang dibentangkan di DBP: Kuala Lumpur, 9 November 1991.
- Aronoff., M., 1981. "Automobile Semantics". dlm. *Linguistic Inquiry*, 12:3 (329–347).
- Asha Doshi, 1997. *Lexical Items About Women in the English-Malay Bilingual Dictionary*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Asmah Hj. Omar, 1976 *The Teaching of Bahasa Malaysia in the Context of National Language Planning*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Hj. Omar, 1978. *Pengajaran Bahasa Malaysia dalam Konteks Perancangan Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1979. *Language Planning for Unity and Efficiency: A Study of the Language and Corpus Planning of Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asmah Hj. Omar, 1981a. "The Malaysian National Language in Academic Discourse" dlm. *National Language as a Medium of Instruction*. Asmah Hj. Omar dan Noor Ein Mohd Noor (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1981b. "Penggunaan Bahasa dan Ketepatan Maksud: Satu Rujukan Khusus kepada bahasa yang terdapat dalam soalan-soalan Peperiksaan (Bahagian I)", dlm. *Dewan Bahasa*, 25:10 (25–43).
- Asmah Hj. Omar, 1981c. "Penggunaan Bahasa dan Ketepatan Maksud: Satu Rujukan Khusus kepada bahasa yang terdapat dalam soalan-soalan Peperiksaan (Bahagian II)", dlm. *Dewan Bahasa*, 25:11 (23–35).
- Asmah Hj. Omar, 1981d. "Perancangan Peristilahan Saintifik dalam Bahasa Melayu", dlm. *Dewan Bahasa*, 25:12 (39–70).
- Asmah Hj. Omar, 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1987a. *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1987b. "The Development of the National Language of Malaysia", dlm. *Malay in its Sociocultural Context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, 1988. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar, dan Noor Ein Mohd Noor, (ed.), 1981. *National Language as Medium of Instruction*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh, 1959. "Sedikit Tentang Makna" dlm. *Dewan Bahasa* 3: (633–40).
- Awang Sariyan, 1989 "Penulisan Ilmu dalam Bahasa Melayu" dlm. *Dewan Bahasa* 33:2 (128–135).
- Bierwisch, M., 1969. "On Certain Problem of Semantic Representations" dlm. *Foundations of Language* 5 (153–184).
- Bolinger, D., 1965. "The Atomization of Meaning", dlm. *Language*, 41 (555–553).
- Cruse, D., 1986. *Lexical Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Darwis Harahap, 1994. *Binaan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid, M. Onn, 1986. "Bahasa Melayu sebagai Saranan Budaya Tinggi" Kertas kerja Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-4 Kuala Lumpur.

- Franklin, K. J. "Componential Analysis and the Game of Basewell", dlm. *Anthropological Linguistics*, 27:3 (280–301).
- Fries, C.C., 1954. "Meaning and Linguistic Analysis", dlm. *Language*, 30 (57–68).
- George, F.H., 1964. *Semantics*. The English Universities Press Ltd.: London
- Goddard, Cliff, 1994. "The Meaning of *Lah*: Understanding "Emphasis" in Malay (Bahasa Melayu)", dlm. *Oceanic Linguistics*, 33:1 (145–165).
- Goodenough, W., 1956. "Componential Analysis and the Study of Meaning", dlm. *Language*, 32 (195–216).
- Godman, A., 1976. "The Language of Science from the View Point of the Writer of Science Textbooks" dlm. Richards, J.C. (ed.) *Teaching English for Science and Technology*, Singapura: Singapore University Press.
- Gordon, W.T., 1982. *A History of Semantics*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Hamdan Syeikh Tahir, 1973. *Pendidikan Hari Ini Untuk Hari Esok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim bin Musa, 1988. "Mengandung dan Mengandung"- Satu Tinjauan Semantik daripada Kaca Mata Melayu-Islam, dlm. *Dewan Bahasa*, 32:2 (123–126).
- Hashim Hj. Musa, 1994. *Falsafah Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj. Musa, 1996. "Gelombang Kedua Hegemomi Bahasa Inggeris dan Kelunturan Status Bahasa Melayu: Cabaran dan Saranan", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40:12 (1060–1070).
- Hassan bin Abd Wahab, 1958. "Bahasa Melayu dengan Ilmu Sains", dlm. *Dewan Bahasa*, 2:3 (123–129).
- Hilmi Ismail, 1979. "Apakah Erti Erti", dlm. *Dewan Bahasa* 3 (48–53).
- Huddleston, R. D., 1971. *The Sentence in Written English. A Syntactic Study Based on an Analysis of Scientific Texts*. London: Cambridge University Press.
- Hudson, R., 1995. *Word Meaning*. London: Routledge.
- Indrawati Hj. Zahid, 1995. "Makna dalam Simpulan Bahasa". Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Ismail Muhammad, 1959. "Sedikit tentang Semantik", dlm. *Dewan Bahasa*, 3:3 (123–130).
- Jais Sahok, 1989. "Makna dalam Pantun Melayu", *Jurnal Dewan Bahasa*, 33:12 (945–949).
- Katz, J.J., 1964. "Semantic Theory and the Meaning of Good", dlm. *The Journal of Philosophy*, 61 (739–766).
- Katz, J.J., 1967. "Recent Issues in Semantic Theory", dlm. *Foundations of Language* 3 (124–194).
- Katz, J.J., dan Fodor, J. A., 1963 "The Structure of Semantic Theory", dlm. *Language* 39 (170–210).
- Kempson, Ruth. M., 1977. *Semantic Theory*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Khathijah Abdul Hamid, 1992. "Bahasa Melayu dalam Perspektif Pendidikan: Satu Tinjauan dari segi Sejarah perkembangan dan kesannya dalam pengajaran dan pembelajaran", dlm. *Persidangan Antarabangsa Linguistik Melayu*, Kuala Lumpur.
- Kalpna Sinha Ponniah, 1982. *The Vocabulary of Science: A Study of Selected Biology Textbooks for Pre-University Students in Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Bahasa Inggeris Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Leech, G., 1974. *Semantics*. Penguin Books Ltd.
- Lee Kok Cheong, 1978. *Syntax of Scientific English* Singapura: Singapore University Press.
- Lee, S. H., 1988. "Bahasa Malaysia dalam Bidang Perubatan: Cabaran dan Cadangan", dlm. *Dewan Bahasa*, 32:6 (436–441).
- Lehrer, A., 1974. *Semantic Fields and Lexical Structure*. Holland: North Holland Publishing Company.
- Lehrer, A., 1969. "Semantic Cuisine", dlm. *Journal of Linguistics*. Vol. 5 39–56.
- Lehrer, A., 1970 "Indeterminacy in Semantic Description" dlm. *Glosa*, 4:1 (87–110).
- Lim Chin Lam, 1977 "Aspek-aspek Penggunaan Bahasa Malaysia dalam Sains dan Teknologi", dlm. *Bengkel Pelaksanaan Bahasa Malaysia*, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Loga Bhaskaran, 1983. "Awalan Pe(N): Satu Pemerian Semantik dengan Bahasa Inggeris", dlm. *Dewan Bahasa*, 27:3 (201–218).
- Lounsbury, F. G., 1956. "A Semantic Analysis of the Pawnee Kingship Usage" dlm. *Language*, 32:1 (158–216).
- Lyons, John, 1968. *Introduction to Theoretical Linguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons, John, 1977 *Semantics* Vol. 1 & 2. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyon, John, 1981. *Language, Meaning, and Contexts*. Suffolk: Fontana Paperbacks.
- Lyons, John, 1992. *Bahasa dan Linguistik: Suatu pengenalan*. (Ptj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyons, John, (ed.), 1970. *New Horizons in Linguistics*. Penguin Books.
- Mangantar Simanjuntak, 1983 "Pemerolehan Bahasa Melayu: Bahagian Semantik", dlm. *Dewan Bahasa*, 24:10 (688–697).
- Mashudi Kader, 1993 "Aspek Semantik dalam Pembentukan Kata dan Istilah dalam Bahasa Melayu", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37:4 (292–299).
- Mohammad Yunus Maris, 1966. "Keperihaln Keadaan: Satu Teknik Menganalisis Makna", dlm. *Dewan Bahasa*.
- Mohd. Rofa Ismail, 1995. "Bahasa Melayu Bahasa Ilmiah: Kajian Kes tentang Penulisan Teks Matematik dalam Bahasa Melayu", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 39:6 (513–530).
- Mohd. Sharif Marikan, 1984. "Catatan Mengenai Sinonim", dlm. *Dewan Bahasa*, 28:8 (492–495).

- Muhammad Yahya, 1991. "Istilah Fizik: Suatu Kajian pada Bahan Bacaan Tahun 1970–1990", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35:5 (451–458).
- Muhd. Mansur Abdullah, 1987 "Perkembangan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmiah dalam Bidang Sains dan Teknologi: Satu Harapan Negara", dlm. *Dewan Bahasa*, 31:3 (167–175).
- Mohd. Alwee Yusof, 1991. *Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Morfologi dan Semantik*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Pusat Bahasa Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohd. Feroz A. Bakar, 1993. *Kata Pinjaman Portugis di dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Semantik*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Nathesan Sellappan, 2001. *Istilah Sains dalam Bahasa Melayu: Aspek Keupayaannya*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Nathesan, S., 1995. *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan, S., 1996a. "Bahasa Melayu Berwibawa Sebagai Wahana Sains", dlm. *Pelita Bahasa*, 5:5 (37–38).
- Nathesan, S., 1996b. "Perubahan Makna dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Berdasarkan Kamus Susunan Frank Swettenham Abad ke-19", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37:11 (1022–1033).
- Nathesan, S., 1996c. "Kata Pinjaman Bahasa Tamil dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Makna", *Jurnal Dewan Bahasa*, 40:12 (1112–1126).
- Nathesan, S., 1997. "Analisis Leksis dan Maknanya terhadap Antologi Cereka Sains Sawah di Planet Rikre", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41:10 (919–930).
- Nathesan, S., 2001. *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nida, E. A., 1971. "Semantic Components in Translation Theory" dlm. *Applications of Linguistics*. Peren. G.E. dan Trin. J.C.L. (ed.), Cambridge: Cambridge University Press.
- Nida, E. A., 1975a. *Componential Analysis of Meaning: An Introduction to Semantic Structures*. The Hague: Mouton.
- Nida, E. A., 1975b. *Exploring Semantic Structures*. Munchen: Winhelm Fink Verlag.
- Nida, E. A. et al., 1979. "Semantic Domain and Componential Analysis of Meaning" dlm. *Current Trends in Linguistic Theory*. Cole, Roger, M. (ed.), Bloomington: Indiana University Press.
- Noresah Baharum, 1996. "Perubahan dan Invosi Leksikal dalam Bahasa Melayu: Unsur Penerimaan dan Kelangsungan Hidup" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40:6 (484–501).
- Nor Hashimah Hj. Jalaludin, 1988. "Bahasa Melayu Sebagai Bingkai Pemikiran Masyarakat Melayu", dlm. *Dewan Bahasa*, 32:11 (820–831).
- Nor Hashimah Hj. Jalaludin, 1989. "Perkembangan Ilmu Semantik", dlm. *Dewan*

- Bahasa*, 33:4 (282–96).
- Nor Hashimah Jalaludin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin, 1994. *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Tesis Doktor Falsafah, Pusat Bahasa Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ogden dan Richards, 1956. *The Meaning of Meanings*. London: Routledge and Kegan Paul Ltd.
- Ohman, S., 1953. "Theories of the Linguistic Field", dlm. *Word*, 9 (123–134).
- Osgood, Charles, E., 1971. "Explorations in Semantic Space: A Personal Diary", dlm. *Journal of Social Sciences*, 27 (5–64).
- Palmer, F. R., 1976. *Semantics: A New Outline*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Parvathy Retnam, 1993. *Lexical Borrowing from English to Malay*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Pusat Bahasa: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, 1994. *Peminjaman Kata dalam Peristilahan Undang-Undang Melayu*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Pusat Bahasa: Universiti Malaya.
- Read, Allen Walker, 1948. "An Account of the Word Semantics" dlm. *Word*, 4:2 (78–97).
- Richard, J.C., (ed.) 1975. *Teaching English for Science and Technology*. Singapura: Singapore University Press Ltd.
- Roksana Bibi Abdullah, 1993. *Kajian Leksis dalam Teori Medan Makna: Satu Analisis Komponensial*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Pusat Bahasa: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Roksana Bibi Abdullah, 1996. "Istilah dalam Bidang Sintaksis dari Sudut Analisis Komponensial", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40:1 (60–77).
- Roslina bt. Hamid @ Pa, 1992. *Kata Leksikal: Satu Kajian ke dalam Subdialek Yan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Jabatan Pengajian Melayu: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Rudska, B. et al., 1981. *The Words You Need*. New York: Macmillian.
- Savory, T.H., 1951. *Browsing Among Words of Science*. Great Britain: Richard Clay & Co. Ltd.
- Savory, T. H. 1967. *The Language of Science*. London: Andre Deutsch.
- Shaharir Mohamad Zain, 1991. "Tahap Penghayatan Bahasa Melayu di Malaysia dalam Sains dan Teknologi", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35–12 (1038–1051).
- Simpson, H.B., 1965. *A Descriptive Analysis of Scientific English Writing* Michigan: Universiti Michigan.
- S. Othman Kelantan, 1986. "Keupayaan Bahasa Melayu Menjadi Ilmiah: Analisis Perkembangan dan Perubahan", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 30:10 (699–710).
- Southworth, F.C., dan Daswani, C.J., 1974. *Foundations of Linguistics*. New York:

- The Free Press.
- Sridevi Srinivas, 1996. *Lexical Cohesion in Chemistry Texts: An Exploration Into Systemic Relation*. Tesis Sarjana Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Tan, Jian Pian, 1975. *A Study of the Register of Science for the Lower Secondary Schools in Malaysia*. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Teo, Dim Hoon, 1992. *Masalah Kekaburan Makna dalam Kosa Kata Dialek Melayu Kelantan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Thomson, J., 1968. "Transformative Theory and Semantic Analysis", dlm. *Journal of Linguistics*, 4 (73–78).
- Ton bin Ibrahim, 1987. *Kata Kerja Gerak dalam Dialek Kedah: Analisis Komponen Semantik*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ullmann, S., 1957. *The Principle of Semantics*. Oxford: Basil Blackwell.
- Ullmann, S., 1962 *Semantics: An Introduction to the Science of Meaning*. Oxford: Basil Blackwell.
- Ullmann, Stephen, 1973. "How the Vocabulary Grows", dlm. *Modern Languages*, 54 (1–8).
- Walpole, H. R., 1941. *Semantics: The Nature of Words and Their Meaning*. W.W. Norton & Company: New York.
- Wittengenstein, L., 1953. *Philosophical Investigations*. Oxford: Blackwell.
- Weinreich, U., 1966. "Explorations in Semantic Theory" dlm. *Currents Trends in Linguistics*. Thomas Seboek, (ed.) Vol. III. Mouton & Co. The Hague (395–477).
- Weinreich, Uriel., 1958. "Travel Through Semantic Space", dlm. *Word*, 14 (346–366).
- Wong, Nicole Fee Wen, 1992. *A Study of English Loanwords in Selected Malay Short Stories*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Pusat Bahasa: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Zaharah Kasim, 1986. "Komponen Makna", dlm. *Dewan Bahasa*, 30:4 (257–276).
- Zahrah Abd. Ghapur, 1988 "Konsep Masa dalam Bahasa Melayu", dlm. *Dewan Bahasa*, 32:11 (780–819).